

Azmi arah selesai segera bil tuntutan pembekal

KANGAR 2 Okt.

- Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid (gambar) mengarahkan semua jabatan di bawah kementeriannya menyelesaikan segera bil tuntutan daripada syarikat pembekal yang masih tertunggak.



Menurutnya, langkah itu selaras dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu bil berkaitan diselesaikan dalam tempoh 14 hari berbanding 30 hari sebelum ini.

"Tanpa pembayaran bil itu dan agensi kerajaan pula tidak memainkan peranan dalam menjelaskan segala bil tuntutan pembekal, wang yang ada pada kerajaan tidak dapat diturunkan kepada rakyat," ujarnya.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama agensi-agensi di bawah kementeriannya di sini malam tadi, katanya, pembayaran bil itu dapat membantu mencergaskan aliran wang dalam negara.

Menurutnya, Perdana Menteri sebelum ini telah mengarahkan semua kementerian memberi laporan mingguan mengenai tuntutan kontraktor dan pembekal yang tidak dibayar dalam tempoh 14 hari.

Azmi menjelaskan, kerajaan mahu ekonomi negara dapat dirancarkan menerusi penyelesaian bil tuntutan di kalangan kontraktor dan syarikat pembekal dalam kadar yang segera.

"Kerajaan mempunyai wang untuk menjelaskan tuntutan berkenaan tetapi tidak dapat melimpahkannya ke bawah kerana kegagalan agensi kerajaan menyelesaikan tuntutan bil tersebut," katanya.

Tanpa menyatakan jumlah tuntutan yang belum diselesaikan di bawah kementeriannya, beliau memberitahu, kerajaan akan menyelesaikan semua bil tuntutan yang dikemukakan oleh agensi-agensinya.